**Rujukan : UKM HTM.30/63/2**
**Tarikh : 16 Jun 2026**

**Ketua Jabatan / Pusat / Bahagian / Unit,**
Wad-wad / Klinik-klinik
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Melalui :

**Dato' Dr. Azmi Baharudin**
Pengarah,
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

DATO' DR. AZMI BIN BAHARUDIN
No MPM: 35098 No NSR: 134714
M.D (UKM), M.S Orth (UKM)
Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM

YBhg. Prof. / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN PENAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PROSEDUR PENGIMEJAN PET-CT DI JABATAN PENGIMEJAN MOLEKUL DAN PERUBATAN NUKLEAR, HCTM**

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa perkhidmatan prosedur pengimejan PET-CT di Jabatan Pengimejan Molekul dan Perubatan Nuklear, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) akan ditawarkan semula dan mula menerima rujukan pesakit bermula pada **1 Julai 2026**.

Pembukaan semula perkhidmatan ini adalah susulan selesainya kerja-kerja pengubahsuaian ruang dan pemasangan peralatan PET-CT baharu bagi meningkatkan kualiti serta kecekapan perkhidmatan yang ditawarkan. Sehubungan itu, semua rujukan bagi prosedur pengimejan PET-CT boleh dikemukakan semula kepada jabatan ini mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, diharap YBhg. Prof. / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan masing-masing agar urusan rujukan pesakit yang memerlukan perkhidmatan pengimejan PET-CT dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada pihak kami melalui talian sambungan 6474 (kaunter). Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh YBhg. Prof. / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

*"Cekap, Pantas, Mesra"*



**PENGIMEJAN MOLEKUL DAN PERUBATAN NUKLEAR**
**HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**
Tingkat G, Blok Klinikal,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 6474 / 6481 / 5650 Faks: +603-9145 6463 E-mel: kjpmpn@ppukm.ukm.edu.my Web: www.hctm.ukm.my

Yang Benar,

**DR. MOHD SYAHRIR BIN YUSOP**
Ketua,
Jabatan Pengimejan Molekul dan Perubatan Nuklear
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

s.k - **Prof Madya Datin Dr Shahizon Azura Mohamed Mukari**
Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Diagnostik, Farmasi dan Sokongan)
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

- Failitu